

05/10/1997

BN akui sukar pertahan kerusi

MIRI: Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam, mengakui Barisan Nasional (BN) bakal menghadapi tugas berat dan sukar dalam usaha untuk memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kidurong di Bintulu, pada 25 dan 26 Oktober ini.

Beliau yang juga Pengerusi Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), berkata dengan pelbagai isu besar yang pernah dan sedang melanda negara sekarang ini khususnya membabitkan Sarawak secara langsung, rakyat seolah-olah marah dengan kerajaan.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri sesi bertemu rakyat di pejabat cawangan SUPP di sini semalam, beliau berkata BN tidak mempunyai pilihan lain kecuali terpaksa bekerja lebih keras untuk memenangi semula hati rakyat di situ.

"Mungkin sudah ditakdirkan, pilihan raya kecil itu diadakan ketika negeri ini baru sahaja dilanda masalah virus Cocksackie B, manakala jerebu pula baru saja selesai.

"Tidak cukup dengan itu negara turut menghadapi masalah penurunan matawang sehingga menjejaskan sedikit ekonomi negara. Semua ini sebenarnya menyebabkan rakyat marah dan menyalahkan kerajaan.

"Jadi, kita tidak mempunyai pilihan lain kecuali terpaksa bekerja keras sepanjang kempen pilihan raya nanti untuk menjelaskan perkara sebenar kepada mereka (rakyat) bagi memastikan calon BN tidak menjadi mangsa," katanya.

Dr Chan berkata demikian sebagai mengulas persiapan BN khususnya SUPP dalam pilihan raya kecil DUN Kidurong yang dijadualkan pada 25 dan 26 Oktober ini. Penamaan calon ditetapkan pada 14 Oktober ini.

Pilihan raya kecil DUN Kidurong terpaksa diadakan semula selepas Mahkamah Pilihan Raya Miri pada 12 September lalu, membatalkan kemenangan calon DAP, Wong Sing Ai, dalam pilihan raya negeri 7 dan 8 September tahun lalu, selepas meluluskan permohonan petisen bekas calon BN, Michael Sim.

Dalam pilihan raya itu, Wong menang dengan kelebihan 22 undi selepas berjaya memperolehi 5,128 undi berbanding Sim, 5,106.

Bekas calon BN terbabit mengemukakan petisen itu selepas mendakwa ia tidak dijalankan mengikut peraturan ditetapkan.

Dr Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam Negeri turut mengesahkan Sim dicalonkan semula oleh SUPP untuk bertanding bagi kerusi itu.

Menurutnya, persetujuan itu sudah dimaklumkan kepada Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang juga Pengerusi BN negeri untuk disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi pengesahan.

Beliau turut mengesahkan semua komponen BN Negeri sudah menyatakan kesediaan masing-masing untuk bekerjasama sepenuhnya bagi memastikan calon BN dalam pilihan raya kecil itu menang.

(END)